



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR**

**IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PENGURUSAN MAKLUMAT (KEPUJIAN)
PENGURUSAN REKOD
(IM 226)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA PEGAWAI WARAN II ABD GHANI
BIN WOOK MENGENAI PENGLIBATAN BELIAU DALAM Mencari SAKI
BAKI KOMUNIS DI PEKAN AIR LANAS, KELANTAN DAN SUNGAI
CHALEK, PAHANG PADA TAHUN 1977 SEHINGGA 1979**

IMR 604 – ORAL DOCUMENTATION

OLEH:

HAIKAL BIN KAMARUDZAMAN (2011910981)

MOHD FAIZ BIN MAIYUDIN (2011564227)

SEMESTER 5 – (MAC 2013 – JULAI 2013)

DISEDIAKAN UNTUK:

PUAN AZURA BINTI ABDUL JAMIL @ KAMARUDZZAMAN

TARIKH HANTAR:

21 JUN 2013

PENGHARGAAN


Bersyukur ke hadrat Ilahi, dengan rahmat dan kurniaNya dapatlah kami menyiapkan projek mega wawancara bersama tokoh negara ini tepat pada masanya. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman, pensyarah kursus IMR 604 – Oral Documentation yang memberi banyak tunjuk ajar, memberi komen-komen yang berguna, memberi kritikan yang membina serta memberi jalan keluar kepada permasalahan yang kami hadapi tanpa jemu.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada Pegawai Waran II, Encik Abd Ghani Bin Wook kerana menerima proposal kami dengan baik dan dengan senang hatinya bersedia untuk ditemuduga. Kami sangat - sangat terhutang budi kepada Encik Abd Ghani kerana walaupun kami telah mencuri masa beliau, beliau tetap melayan kami dengan sabar. Sesungguhnya segala apa yang encik sampaikan itu amat berguna pada kami. Kami sangat menghargainya. Kerjasama encik kepada kami amat kami hargai. Walaupun beliau telah bersara dengan Rejimen Askar Melayu Diraja, tetapi, beliau tetap menyokong perjalanan Rejimen Askar Melayu Diraja dengan setia. Kepada , anak Encik Abd Ghani yang sudi membantu kami hingga kami selesai melaksanakan wawancara kami, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ibu, bapa dan kaum keluarga yang sangat – sangat membantu dan memahami tugas kami sebagai seorang pelajar. Budi baik kalian tidak akan dapat kami balas.

Terima kasih juga diekpressikan kepada rakan-rakan seperjuangan JIM2265A yang memberi pandangan dan membantu dari segenap sudut. Kepada senior – senior yang banyak membantu dan kepada sesiapa yang membantu secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih

 PEGAWAI WARAN II, ABD GHANI BIN WOOK

ISI KANDUNGAN

INDEX	Muka
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Senarai Perkataan	iii
Senarai Gambar	iv
Senarai Jadual	v
Abstrak	vi
1.0 Pengenalan	1
2.0 Transkrip Wawancara	22
3.0 Log Wawancara	71
4.0 Biodata Tokoh	85
5.0 Senarai Soalan Wawancara	87
6.0 Senarai Rujukan	96
7.0 Lampiran	98
8.0 Indeks	104

ABSTRAK

Transkrip wawancara ini berkisar seorang tokoh yang merupakan permata negara. Beliau bertarung nyawa mempertahankan negara. Beliau merupakan salah seorang bekas anggota Rejimen Askar Melayu Diraja ataupun lebih dikenali sebagai RAMD merupakan salah satu pasukan tempur infantri dan merupakan rejimen tertua di dalam Tentera Darat Malaysia. Nama beliau ialah Abd Ghani Bin Wook. Berpangkat Pegawai Waran 2 dalam RAMD. Pegawai Waran 2 adalah pangkat yang tertinggi di dalam RAMD. Beliau pernah menyertai operasi – operasi yang melibatkan pengganas komunis di zaman darurat. Misi mereka mencari dan menjejak musuh. Antara operasi yang disertai beliau adalah Operasi Cahaya Bena Satu dan Operasi di Sungai Chalek. Beberapa perkara pelik berlaku ketika menjalani operasi mencari dan menjejak musuh. Setelah berputuh tahun berkhidmat dalam RAMD, pada tahun 1996, beliau telah bersara wajib dari perkhidmatan tersebut dan kini beliau menjadi pengawal keselamatan di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan.

1.0 PENGENALAN

SEJARAH RINGKAS REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA

Rejimen Askar Melayu DiRaja (atau Askar Melayu) merupakan satu pasukan tempur infantri dan merupakan rejimen tertua di dalam Tentera Darat Malaysia. Askar Melayu, bersama-sama dengan Rejimen Renjer DiRaja merupakan pasukan tempur infantri utama di dalam Tentera Darat Malaysia.

Rejimen Askar Melayu DiRaja merupakan pasukan terunggul di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Pada kemuncaknya, pasukan ini mempunyai kekuatan sebanyak 27 batalion. Askar Melayu kini mempunyai kekuatan 25 batalion.

Askar Melayu hanya dianggotai oleh anggota-anggota berketurunan Melayu sahaja, tidak seperti Rejimen Renjer DiRaja dan lain-lain rejimen dalam Tentera Darat Malaysia, yang boleh dianggotai oleh anggota dari pelbagai kaum.



Gambar 1: Pasukan RAMD yang terawal